

19 DEC 1998

Mohamed-BN

PEMILIHAN CALON BN UNTUK PILIHAN RAYA SABAH HAMPIR SELESAI

KOTA KINABALU, 19 Dis (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) kini di peringkat akhir memilih calon-calonnya untuk bertanding pada pilihan raya negeri Sabah yang akan datang, kata Setiausaha Agungnya Datuk Seri Mohamed Rahmat.

Katanya walaupun masih ada pihak yang menghantar "rayuan" berhubung calon pada pilihan raya itu, tetapi ia mungkin sudah terlambat ketika ini kerana keputusan mengenainya sudah hampir dicapai.

Beliau meminta semua pihak agar menghentikan usaha melobi berhubung soal calon untuk pilihan raya negeri akan datang, sebaliknya menerima keputusan pucuk pimpinan BN.

"Memang semua parti komponen ada hak untuk mendapat calon tetapi BN akan hanya memilih yang paling layak. Sudah tentu Pengerusi BN (Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) akan mempertimbangkan pelbagai aspek dan hanya calon terbaik akan dipilih," katanya.

Ketika bercakap kepada pemberita di akhir lawatan tiga harinya ke Sabah, Mohamed yang juga Menteri Penerangan, mengingatkan parti-parti komponen supaya menyokong calon yang dipilih walaupun calon berkenaan adalah daripada parti komponen yang lain.

"Tidak wajar jika timbul sebarang perasaan tidak puas hati, apatah lagi dalam usaha kita untuk mengekalkan kerajaan BN di negeri ini," katanya.

Ketika ditanya sama ada senarai nama calon berkenaan sudah muktamad pada peringkat ini, beliau berkata: "Saya dah tengok perkara ini dan soal agihan kerusi, soal agihan calon dah hampir siap 100 peratus."

Apa yang penting sekarang, katanya, ialah parti-parti komponen dan pekerja BN bersiap sedia untuk meneruskan perjuangan mengekalkan kerajaan BN di Sabah.

Mengenai peluang BN pada pilihan raya itu, beliau berkata, penerimaan baik rakyat Sabah terhadap BN, meyakinkan BN untuk mengekalkan pemerintahan di negeri itu.

BN Sabah juga telah membuat persiapan rapi bagi menghadapi pilihan raya berkenaan yang perlu diadakan sebelum 18 Mac tahun depan.

Daripada 48 kerusi Dewan Undangan Sabah, BN kini menguasai 43 kerusi.

-- BERNAMA

JS MAI